

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN "SUMBANGAN ISLAM KE ARAH PENCAPAIAN  
MATLAMAT WAWASAN 2020"  
Lokasi : DEWAN PERSIDANGAN THE PUTERI PAN PACIFIC HOTEL JOHOR BAHRU  
Tarikh : 30-04-1993

Di upacara yang meriah ini marilah kita awal-awal lagi melafazkan kesyukuran kehadiran Allah (S.W.T.) kerana di atas kurniaan dan nikmatnya dapat kita berkumpul untuk memulakan Konvensyen "Sumbangan Islam Ke Arah Pencapaian Matlamat Wawasan 2020". Selanjutnya, saya ingin merakamkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim, Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Johor dan Persatuan Pegawai Tadbir Agama Islam Johor di atas kesudian menjemput IKIM untuk bekerjasama menganjurkan konvensyen ini yang julung kali diadakan iaitu Konvensyen "Sumbangan Islam Ke Arah Pencapaian Matlamat Wawasan 2020". Konvensyen seperti adalah tepat pada masanya iaitu dalam konteks Negara sedang menghadapi berbagai-bagai cabaran dan mengharungi arus dan usaha untuk kita membangunkan sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Walau pun di satu zaman dahulu Islam telah berjaya membentuk satu empayar dan tamadun yang disegani, akibat daripada faktor sejarah, penjajahan dan sikap orang-orang Islam sendiri, umat Islam kian menjadi lemah dan tunduk kepada kuasa-kuasa barat, bukan hanya dari segi fizikal dan kebendaan malahan dari segi mental dan sikap. Kejatuhan kerajaan Othmaniyyah sebagai contoh adalah disebabkan oleh serangan ke atas pemikiran dan pandangan penganut dan pemerintah Islam yang begitu hebat. Empayar Othmaniyyah bukan hanya berjaya menguasai negara-negara Timur Tengah tetapi juga telah tersebar hingga ke negara-negara Eropah.

Namun demikian, disebabkan oleh kealpaan umat Islam ditambah pula oleh ancaman mental ke atas mereka oleh golongan anti-Islam terutamanya dalam peperangan salib, akhirnya kerajaan agong Othmaniyyah telah jatuh. Semangat jihad yang dimiliki oleh umat Islam itu telah dipudarkan dan sikap mereka dipesongkan dan akhirnya telah ditewaskan. Salah satu sebab kelemahan umat Islam adalah berpunca daripada masalah pentafsiran mereka terhadap ajaran Islam.

Akibat salahfaham dan pentafsiran yang sempit orang-orang Islam terhadap ajaran Islam mengakibatkan kelahiran golongan orang-orang Islam yang menumpukan perhatian kepada akhirat semata-mata. Pentafsiran mereka yang sempit terhadap Islam telah menyekat dan menghimpit kehidupan dan pandangan mereka. Dunia ini bagi mereka adalah untuk orang-orang kafir. Mereka memberi perhatian kepada urusan keduniaan hanya untuk keperluan asas sahaja dan dengan itu sanggup hidup diparas kemiskinan. Realiti sekarang memperlihatkan sebahagian besar negara-negara Islam adalah miskin dan sanggup menadah tangan dan meminta-minta ke atas ikhsan negara maju.

Menyedari hakikat tentang kepincangan yang berlaku ini, maka Kerajaan amat menyedari tentang perlunya memberikan kefahaman yang jelas tentang Islam yang sebenarnya. Penubuhan IKIM adalah merupakan satu usaha untuk menyahut cabaran di atas. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menyedarkan umat Islam dan bukan-Islam tentang konsep dan nilai Islam yang mencerminkan pembangunan dan kemajuan.

Ajaran Islam tidak pernah samasekali mendorong penganutnya untuk menumpukan perhatian supaya membuat amalan ibadat semata-mata untuk mati dan hari akhirat, kerana pandangan dan sikap seperti itu akan membuat manusia bukan sahaja lupa tentang tanggungjawab mereka di atas dunia ini malahan akan menjadikan mereka lemah. Dan apabila mereka lemah mereka dengan mudahnya akan ketinggalan dalam berbagai bidang. Inilah fenomena yang wujud pada masa sekarang.

Masyarakat Islam yang lemah dan negatif dengan sendirinya akan memperlihatkan bahawa seolah-olah Islam itu sendiri mendorong ke arah kelemahan dan kemunduran. Dengan itu, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap umat Islam untuk berdiri teguh dan berazam untuk melahirkan satu masyarakat Islam yang kuat dalam berbagai bidang. Di samping kuat keimanan dan beramal untuk memohon keredhaan Allah Subhanahuwataala, umat Islam hendaklah mempunyai tekad untuk mencapai kecemerlangan dalam semua bidang fardhu kifayah seperti kedoktoran, keusahawanan, teknologi,

perdagangan dan penyelidikan. Hanya dengan membuktikan bahawa Islam itu merupakan satu doktrin yang progresif dan mempelopori ke arah kejayaan dan kecemerlangan di dunia dan akhirat, agama Islam itu akan dihormati dan disegani oleh masyarakat setempat dan masyarakat antarabangsa.

Masyarakat Islam di merata-rata tempat sedang menghadapi masalah dipermainkan oleh negara-negara maju yang kurang bertimbangrasi berpunca daripada kelemahan orang-orang Islam sendiri terutamanya dalam bidang ekonomi, keilmuan dan teknologi moden. Dengan itu, adalah sangat mustahak orang-orang Islam berjihad untuk mencapai tahap ekonomi dan ilmu yang lebih tinggi kerana hanya melalui kaedah itu sahaja umat Islam dapat menjamin kedudukan dan keteguhan mereka dan akan dapat memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang sehabis baik kepada masyarakat Islam khususnya dan masyarakat bukan Islam amnya dan dengan itu akan dapat menjamin tempat yang lebih baik dihari akhirat nanti.

Saya ingin memetik ucapan Y.A.B. Perdana Menteri semasa melancarkan IKIM pada bulan Julai tahun sudah.

Beliau telah menyebut: "Kajian-kajian mesti dibuat mengenai agama Islam, sejarah dan tamadun Islam dan asas-asas pencapaian umat Islam di zaman dahulu. Kajian yang hendak dibuat mestilah ikhlas dan tidak dipengaruhi oleh sentimen dan bias yang terdapat di kalangan umat Islam sekarang.

Kenyataan mesti diterima dan khayalan disingkirkan. Tidak ada manfaat yang akan diperolehi dengan mendakwa bahawa walaupun umat Islam sekarang ini kelihatan tidak maju dan lemah tetapi mereka sebenarnya maju dan gagah. Demikian juga tidak ada faedahnya mendakwa bahawa walaupun orang lain kelihatan maju dan kuat tetapi mereka sebenarnya mundur dan lemah. Penipuan diri tidak ada tempat dalam kajian yang bernilai. Hanya dengan kajian yang jujur dan tindakan yang berilmiah serta berpandukan kenyataan barulah sesuatu dapat dibuat untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam. Saya berharap Institut Kefahaman Islam akan memainkan peranan yang utama dalam usaha memulih semula keagungan Islam, umat Islam dan negara Islam. Untuk tujuan ini tafsiran-tafsiran yang berbeza-beza dan mengeliru serta melemahkan orang Islam perlu dikaji semula dengan teliti supaya dapat diperbetulkan. Sejarah Islam juga perlu didalami supaya kita akan mendapat iktibar daripadanya." Bersesuaian dengan saranan Y.A.B. Perdana Menteri itu IKIM sebagai salah sebuah organisasi penyelidikan, sedang melaksanakan beberapa program untuk memberikan kesedaran dan kefahaman terhadap umat Islam dan juga bukan Islam mengenai berbagai perkara yang menyentuh kehidupan dan kemajuan.

Antara program-program yang telah dirangka oleh IKIM adalah seperti berikut: Dalam bidang penyelidikan, IKIM telah mengenal pasti projek-projek penyelidikan untuk dilaksanakan dengan bertujuan untuk menyedarkan dan memberikan kefahaman yang jelas tentang Islam. Antaranya ialah mengenai Islam dan Toleransi, Keadilan dalam Islam dalam berbagai aspek, Pemerintahan dalam masyarakat majmuk, Kemiskinan dan lain-lain. Dalam bidang penerbitan pula IKIM akan terus mengeluarkan surat berita bertajuk Perspektif IKIM dan penerbitan lain iaitu majalah IKIM, Jurnal IKIM dan buku- buku IKIM.

IKIM juga akan terus menganjurkan beberapa siri perbincangan, dialog, bengkel dan sebagainya. Baru-baru ini IKIM telah mengadakan persidangan Islam dan Perindustrian.

Dua lagi persidangan yang besar akan diadakan adalah mengenai "Keadilan dalam Islam" pada bulan Mei dan "Islam dan Produktiviti" pada bulan Ogos tahun ini.

IKIM juga turut menyumbangkan artikel-artikel mengenai isu-isu semasa yang ada kaitannya dengan Islam dalam akhbar harian seperti Utusan Malaysia, New straits Times, the Star, dan Shin Min Daily New (sebuah akhbar berbahasa mandarin).

Akhir sekali IKIM akan menjalankan projek menterjemahkan karya-karya klasik Islam yang masyur.

Selain daripada membina kefahaman tentang nilai-nilai Islam berkaitan dengan pembangunan di kalangan para peserta, adalah menjadi harapan saya agar konvensyen ini dapat mencetuskan idea- idea dan percambahan pemikiran-pemikiran yang positif yang dapat menyumbang untuk usaha-usaha di

dalam menghadapi cabaran wawasan 2020.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.A.B Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin di atas kesudiannya memberikan kerjasama untuk menjayakan konvensyen ini. Adalah menjadi harapan saya kerjasama seperti ini akan berkekalan untuk berbagai- bagai program lain di masa akan datang.

Dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan lafaz wabillahitaufik walhidayah wassalamua'laikum wbt.  
wrt.